



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan
Perdagangan Antarabangsa Mengenai Isu Operasi Nadir Bumi oleh
Lynas dalam Rantaian Bekalan Industri Pertahanan Amerika Syarikat**

Jawatankuasa Pilihan Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa, Dewan Rakyat pada hari Khamis, 16 Julai 2026 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang telah mengadakan satu mesyuarat untuk mendapatkan penerangan dan pandangan berhubung isu operasi dan perjanjian pembekalan nadir bumi oleh Lynas kepada Pentagon, agensi pertahanan Amerika Syarikat.

Mesyuarat ini diadakan untuk meneliti dan mengkaji impak perjanjian bekalan ini yang dilihat boleh menjejaskan reputasi Malaysia sebagai penyokong tegar Palestin yang dibina atas dasar kemanusiaan dan keadilan sejagat. Antara tujuan lain mesyuarat ialah untuk menyemak semula dasar pelaburan langsung asing serta membentuk dasar baru negara bagi sektor nadir bumi yang mempunyai potensi yang besar di Malaysia.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa; YB Langkawi dan YB Balik Pulau, Ahli Jawatankuasa Pilihan Alam Sekitar, Sains dan Perlindungan; YB Kuala Terengganu, Julau, Bentong dan YB Tangga Batu serta Ahli Parlimen jemputan, YB Petaling Jaya.

Mesyuarat merekodkan kehadiran daripada wakil-wakil kementerian; Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Luar Negeri (MoFA), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta ex-officio bagi kedua-dua Jawatankuasa.

Jawatankuasa telah mendengar pembentangan daripada badan bukan kerajaan seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dan Sahabat Alam Malaysia. Sesi pembentangan daripada pihak badan bukan kerajaan turut dihadiri oleh BDS Malaysia dan Greenpeace Malaysia. Sesi kedua mesyuarat bersama pihak Lynas telah membuka ruang kepada ahli mesyuarat untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung operasi serta perjanjian Lynas dalam rantaian bekalan hasil nadir bumi bagi industri pertahanan Amerika Syarikat.

Manakala sesi terakhir mesyuarat diadakan di antara Ahli-ahli Parlimen dan pihak-pihak kementerian yang memfokuskan pendirian Malaysia dalam menangani isu ini dengan lebih komprehensif dengan mengambil kira kepentingan Malaysia di peringkat domestik dan antarabangsa.

Jawatankuasa menyarankan kepada keempat-empat kementerian yang terlibat secara langsung, iaitu MITI, MoFA, NRES, dan MOSTI untuk bekerjasama dengan lebih erat dalam dua perkara; (a) merujuk perkara ini kepada dan menerima nasihat terperinci dari Pejabat Peguam Negara mengenai impak isu ini terhadap apa-apa perjanjian antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, dan (b) membentuk perancangan dasar pelaburan langsung asing yang lebih jelas agar reputasi, kepentingan dan kedaulatan negara terus kekal terpelihara di peringkat global. Jawatankuasa juga meminta Kerajaan Malaysia untuk membuat satu pendirian rasmi mengenai perkara ini dalam jangka masa tidak melebihi dua minggu dari tarikh 17 Julai 2026 agar rakyat dapat memahami hala tuju Kerajaan dalam mengatasi perkara ini.

Jawatankuasa juga akan menerbitkan satu laporan rasmi yang merangkumi perkara-perkara substantif dan terperinci yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini sebagai salah satu keberhasilan dan tanda komitmen dalam memainkan peranan semak dan imbang kepada Parlimen. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang hadir dalam menyokong fungsi serta tanggungjawab Jawatankuasa ini dalam mendapatkan pandangan serta meneliti dasar-dasar yang ditetapkan selaras dengan keperluan dan keutamaan negara.

-TAMAT-